

Kempen 10.10 tawar pelbagai barangan buatan Malaysia

03 Oktober 2019 7:54 PM



Saifuddin dan Zed Li (kanan) pada Majlis Pelancaran Kempen 10.10 di ibu negara hari ini. Foto oleh AMIR KHALID

KUALA LUMPUR - Sempena promosi 10.10 pada bulan ini, platform e-dagang terkemuka Asia Tenggara Shopee melancarkan kempen beli barangan Malaysia hari ini.

Menurut Ketua Bahagian Perniagaan Shopee Malaysia, Zed Li, kempen yang julung-julung kali diadakan secara online itu mendapat kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggun (KPDNHEP).

Katanya, kempen tersebut untuk menggalakkan pembelian produk buatan Malaysia sekali gus membantu ekonomi usahawan tempatan.

"Usaha ini juga bagi mencerminkan komitmen Shopee mempromosikan kualiti dan keistimewaan produk tempatan.

"Justeru, kami sangat berbangga dapat bekerjasama dengan KPDNHEP untuk menyokong barangan dan perkhidmatan keluaran Malaysia," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen 10.10 di ibu negara hari ini.

Turut hadir menyempurnakan majlis ialah Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Zed Li memberitahu, usaha berkenaan juga memberi peluang peniaga tempatan melebarkan sayap perniagaan ke luar negara menerusi inisiatif Shopee International Platform (SIP).

Ujarnya, SIP menawarkan pelbagai kemudahan logistik, pembayaran dan perkhidmatan pelanggan kepada peniaga tanpa sebarang kos tambahan.

"Sepanjang kempen ini lebih dua ribu produk dipasarkan di platform Shopee antaranya daripada jenama terkenal tempatan BeauSiti, Victoria Sloane, Pensonic, Oldtown White Coffee dan Selamat.

"Justeru, kami harap kempen ini berjaya menarik lebih ramai rakyat Malaysia membeli produk tempatan selain dapat mengukuhkan lagi pasaran jenama mereka," ujarnya.

Kempen 10.10 yang berlangsung sehingga 10 Oktober depan turut menawarkan pelbagai tawaran istimewa seperti penghantaran percuma dengan perbelanjaan minimum RM10 dan diskaun eksklusif sehingga 80 peratus. - K! ONLINE

